

# 'Muhyiddin jangan angkuh'

Oleh **ASLINDA NASIR**  
Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas Ketua Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Bahagian Tebrau, Mazlan Bujang menyifatkan Presiden parti itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai angkuh selepas mempersoal maruahnya ekoran keluar Bersatu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mazlan berkata, Muhyiddin seharusnya sedar kerana beliau antara individu yang terlibat dalam Langkah Sheraton sehingga kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat tumbang.

“Pesan kepada Muhyiddin, jangan angkuh dan cermin diri. Kata tulang paku serpih, mengata orang tidak ada maruah, sendiri yang lebih.

“Dia khianat Langkah Sheraton, dia lupakah? Yang dia pancing orang UMNO masuk Bersatu, Warisan (Parti Warisan Sabah) masuk Bersatu, bukanlah dia yang tidak ada maruah,” soalnya ketika dihubungi, semalam.



Terdahulu, Muhyiddin dilaporkan menyifatkan tindakan Mazlan yang mengumumkan keluar daripada Bersatu dan menyatakan sokongan terhadap Barisan Nasional (BN), tidak menjejaskan parti itu menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Malah jelasnya, langkah berkenaan tidak memberi sebarang

kesan kerana Dewan Undangan Negeri (DUN) sudah terbuvar.

“Mana maruah dia, mengapa dia bersikap begitu dan baru sekarang hendak cakap soal itu ini. Boleh jadi dia sudah tahu tidak akan menjadi calon mungkin. Dia nak (masuk) UMNO? Dia fikir UMNO akan lantik (calonkan) dia,” ujar Muhyiddin.



**Dia khianat Langkah Sheraton, dia lupakah? Yang dia pancing orang UMNO masuk Bersatu, Warisan (Parti Warisan Sabah) masuk Bersatu.”**

**MAZLAN BUJANG**

Ditanya sama ada berhasrat menjadi calon mana-mana parti pada PRN Johor, Mazlan berkata, setakat ini fokusnya hanya diberi kepada kerja-kerja Exco kerajaan negeri sementara yang masih ada.

“Tiada komen, tunggu dan lihat. Saya nak berehat sekejap tenangkan fikiran,” katanya.